

BAB LIMA

TAFSIRAN ANALISIS HUBUNGAN TAUTAN DAN RUNTUTAN

Dalam bab ini akan dikemukakan hasil-hasil penelitian yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang terdahulu. Bahagian ini cuba untuk melihat faktor-faktor yang menyumbang ke arah melahirkan teks yang bertaut dan runtut. Diharapkan pembicaraan ini, dapat memberikan gambaran yang lebih jelas antara hubungan tautan dan runtutan.

5.1 Tautan dan Runtutan yang Saling Mempengaruhi.

Di dalam bab-bab yang terdahulu, telah disentuh bahawa tautan dan runtutan merupakan dua unsur utama yang penting dalam pembentukan sesebuah wacana. Kedua-dua unsur ini walaupun berlainan konsep tetapi saling mempengaruhi di dalam tingkat struktur tekstual. Wacana yang bertaut biasanya bergantung kepada penggunaan jenis dan subjenis tautan yang betul dan sesuai manakala penentuan tingkat keruntutan sesebuah wacana ditentukan oleh tahap pemahaman pembaca yang dibantu oleh faktor latar belakang seseorang. Bersesuaian dengan pandangan Almeida (1984:12), yang menyatakan bahawa runtutan ialah hubungan yang dilihat sebagai kualiti teks yang membolehkannya difahami. Penggunaan unsur-unsur tautan yang sesuai, betul dan tepat akan membantu menyediakan

jalanan untuk mempermudah pemahaman pembaca terhadap sesebuah wacana.

Dalam bahagian ini, pertimbangan penilaian terhadap runtutan dalam wacana yang dikaji, dianalisis dari segi dapatan analisis jenis, subjenis, jarak tautan dan maklumat yang diberi oleh pembaca. (Soalan Soal Selidik dikemukakan dalam Lampiran 3).

5.2 Jangkaan Mod: Sifat Keterbacaan.

Menurut Wahjawidodo (1985:39-40), wacana dianggap mudah apabila wacana tersebut mempunyai tingkat keterbacaan yang tinggi. Maksudnya wacana tersebut dapat difahami oleh sebahagian besar khalayak yang ditujuinya. Sekiranya wacana tersebut dianggap sukar, tingkat keterbacaannya rendah dan hanya dapat difahami oleh sebahagian kecil khalayak. Pernyataan di atas menunjukkan bahawa keterbacaan berhubungan dengan evaluasi membaca. Evaluasi membaca meliputi beberapa tujuan. Salah satu tujuannya ialah untuk mengetahui tingkat kemampuan seseorang terhadap bahan yang dikaji.

Mengikut Gilliland (1976:12-13) yang mengutip definisi yang dikemukakan oleh Dale dan Chall (1948), keterbacaan ialah keseluruhan unsur-unsur di dalam bahan cetakan tertentu yang mempengaruhi keberhasilan kelompok pembacanya yang meliputi pemahaman, kecepatan membaca

yang optimum dan pemerolehan minat. Definisi tersebut menekankan kepada tiga aspek dalam proses membaca, iaitu pemahaman, kecepatan atau kelancaran dan minat. Ketiga-tiga aspek itu tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain malahan saling berinteraksi untuk mempengaruhi keterbacaan (Tallei, 1988: 83-84).

Berdasarkan Jadual 4.6 dan 4.7 yang di diperlihatkan dalam bab empat sebelum ini, didapati bahawa TM lebih runtut daripada TK. Untuk mencapai tahap sangat runtut dalam TK, responden perlu membaca sebanyak 3 kali dan 4 kali, dan lebih manakala sebanyak 2 kali bagi TM. Keadaan ini berlaku disebabkan masalah kesukaran bahasa dalam TK. Sebanyak 88.0% responden yang menghadapi masalah kesukaran, iaitu dari segi bahasa (71.0%), frasa (72.0%), ayat (70.0%), tanda baca (12.0%) dan lain-lain (9.0%).

Dari segi jantina, didapati kedua-dua teks tersebut tidak memperlihatkan perbezaan dari segi pencapaian keruntutan. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa TM lebih mudah difahami berbanding TK. Berbeza sedikit dengan kategori tahap sangat runtut, didapati kebanyakan responden lelaki membaca sebanyak 4 kali dan lebih manakala responden perempuan hanya membaca sebanyak 3 kali bagi TK. Bagi TM pula, responden lelaki membaca sebanyak 2 kali dan perempuan antara sekali dan 2 kali bagi mencapai tahap sangat runtut dalam TM. Ini

menunjukkan dari segi jantina, responden perempuan menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi daripada responden lelaki.

Bagi hubungan bangsa pula, didapati antara responden berbangsa M dan NM, tiada perbezaan yang ketara untuk mencapai tahap runtut dalam kedua-dua teks. Walau bagaimanapun, TM menunjukkan tahap keruntutan yang lebih tinggi dicapai berbanding TK. Manakala untuk tahap sangat runtut, responden berbangsa M mencapai tahap sangat runtut apabila membaca sebanyak 3 kali dan NM sebanyak 4 kali dan lebih bagi TK. Bagi TM pula, tiada perbezaan yang ketara, kedua-duanya menunjukkan hanya 2 kali pembacaan untuk mencapai tahap sangat runtut.

Manakala bagi jenis penggunaan bahasa pula, didapati ada sedikit faktor yang mempengaruhi pencapaian tahap runtut. Didapati responden yang menggunakan BM lebih mudah mencapai tahap runtut, iaitu sebanyak 2 kali pembacaan (68.0%) berbanding penggunaan LB, iaitu sebanyak 3 kali pembacaan (40.0%) bagi TK. Bagi TM, didapati tiada perbezaan antara pengguna BM dan LB. Masing-masing menunjukkan pencapaian tahap runtut sebanyak sekali pembacaan sahaja. Bagi mencapai tahap sangat runtut, didapati responden yang menggunakan BM membaca sebanyak 3 kali manakala untuk LB sebanyak 4 kali dan lebih. Bagi TM pula, pengguna BM dan LB, kedua-duanya

menunjukkan kekerapan sebanyak 2 kali untuk mencapai tahap sangat runtut.

Pencapaian bagi tahap runtut untuk kategori pencapaian BM tertinggi didapati TM lebih runtut daripada TK. Walaupun hanya sebanyak 16 orang mencapai tahap tertinggi di peringkat SPM dan 83 orang lagi di peringkat STPM, dan seorang bagi lain-lain peringkat, didapati majoriti responden membaca sebanyak 2 kali dan 3 kali pembacaan bagi kedua-dua peringkat kelulusan dalam TK. Berbeza dengan pencapaian dalam TM, kedua-dua tahap menunjukkan hanya sekali pembacaan sahaja. Untuk tahap sangat runtut, didapati sebanyak 4 kali dan lebih bagi peringkat SPM dan 3 kali bagi STPM dan lain-lain pencapaian. Manakala dalam TM pula, majoriti responden mencatatkan sebanyak 2 kali pembacaan bagi peringkat SPM, STPM dan lain-lain pencapaian. Ini menunjukkan tahap pencapaian yang tinggi turut membantu memudahkan untuk mencapai tahap yang lebih runtut.

Dapatan ini sedikit sebanyak dapat merumuskan bahawa responden perempuan, responden berbangsa Melayu, responden yang menggunakan BM sebagai bahasa ibuanda dan responden berpencapaian akademik tinggi menunjukkan prestasi kebahasaan yang berbeza. Responden yang disenaraikan di atas lebih berprestasi mencapai tahap lebih runtut daripada responden lelaki, responden bukan Melayu, BM bukan bahasa ibuanda dan berpencapaian

akademik rendah. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh faktor perbezaan prestasi dari segi pencapaian dan kemampuan dari aspek perkaitan semantik, pengenalpastian jalinan tautan dan laras bahasa yang digunakan dalam sesebuah teks. Perbezaan pencapaian keruntutan yang berbeza mengikut latar belakang memberikan implikasi dari segi kesan keterbacaan wacana.

Oleh itu, kebolehan seseorang dari segi perkaitan semantik, kebolehan menghubungkan jalinan tautan dan memahami laras yang digunakan memudahkan khalayak yang berbeza latar belakang mencapai tahap keruntutan terhadap sesebuah wacana. Secara ringkasnya, didapati TM lebih runtut daripada TK. Ini bersesuaian dengan pendapat Gilliland, (1976:13) yang mengatakan bahawa jika kesukaran wacana itu yang disebabkan oleh pengungkapan ideanya, maka interaksi antara kosa kata dan pengetahuan pembaca akan mempengaruhi keterbacaanya.

5.3 Korelasi Antara Tautan Dan Kesan Runtutan.

Bahagian ini akan memperlihatkan hasil keputusan yang diperoleh daripada analisis kuantitatif dan kualitatif ikatan tautan yang terdapat dalam data kajian. Kajian hanya menumpukan ikatan tautan secara endoforik yang hadir dalam teks kajian dengan memberi perhatian

terhadap jenis dan subjenis ikatan tautan serta jarak tautan.

5.3.1 Jenis-Jenis Tautan

Dalam bab tiga telah ditunjukkan semua jenis ikatan tautan dan telah dikategorikan kepada tujuh kategori jenis tautan. Didapati, tautan leksikal membentuk satu perdua daripada jumlah semua jenis tautan dalam kedua-dua teks kajian. Diikuti tempat kedua oleh tautan rujukan dan penghubung ayat di tempat ketiga. Masing-masing mencatatkan kedudukan yang sama dalam TK dan TM. Jenis-jenis tautan seperti elipsis, penggantian, parafrasa dan paralelisme menunjukkan kelas yang kecil dan tidak menyumbangkan banyak ikatan dalam kedua-dua teks.

Jenis tautan leksikal yang banyak diperoleh dalam kedua-dua teks menunjukkan bahawa jenis bacaan bentuk penceritaan dalam kedua-dua genre ini menunjukkan bahawa wujud persamaan dari segi dapatan jumlah tautan. Ini menjelaskan bahawa dari aspek penggunaan jenis tautan, kedua-dua teks menunjukkan persamaan tetapi dari aspek penerimaan tahap runtutan menunjukkan perbezaan. Didapati, dari aspek runtutan, TM lebih runtut daripada TK. Ini menunjukkan ada faktor-faktor lain selain faktor-faktor tautan yang menyebabkan berlaku keadaan sedemikian. Begitu juga dengan penggunaan tautan penghubung ayat, TK mengeksploitasi jenis penghubung

sebanyak 20.40% dalam TK berbanding 2.47% dalam TM tetapi keputusan terhadap kesan runtutan, TM lebih runtut daripada TK. Ini menunjukkan bahawa tautan bukanlah penyumbang utama dalam menentukan tingkat runtutan.

Didapati hasil daripada analisis tautan, membuktikan tiada perbezaan bagi dapatan jenis tautan dalam kedua-dua jenis teks kajian tetapi terdapat perbezaan dari aspek kesan runtutan terhadap pembaca. Ini menggambarkan terdapat peranan yang berlainan dalam hubungan jenis tautan dengan runtutan.

5.3.2 Generalisasi dan Hasil Interpretasi.

Kajian ini lebih cenderung menyelidik unsur-unsur tautan yang terdapat dalam teks dengan menghubungkannya dengan konsep runtutan. Kajian awal dilakukan dengan mengumpulkan hasil pemahaman pembaca terhadap teks-teks yang dikaji. Penulis kemudiannya meneliti jenis-jenis dan subjenis tautan yang terdapat dalam TK dan TM yang menjadi bahan kajian. Hasil analisis ini kemudiannya dihubungkan dengan hasil keputusan yang ditunjukkan oleh responden terhadap pemahaman terhadap kedua-dua teks tersebut. Ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Almeida bahawa markah tautan yang dianalisis menandakan adanya hubungan dalam teks. Hubungan tautan ini menandakan pembaca mengetahui wujudnya sesetengah hubungan yang berkait dengan sesetengah elemen dalam teks

tersebut. Walau bagaimanapun, hubungan ini tidak disahkan mempunyai kesan terhadap runtutan. Keadaan ini berlaku sehinggalah beralih ke tahap "hakikat" dapat dianalisis, iaitu keadaan penerima atau pentafsir menerima simbol semantik dan pragmatik. Oleh itu, menurut pengkaji ini, bukan sahaja terdapat keadaan hubungan potensi tautan yang tidak dapat diinterpretasi secara langsung bahkan juga terdapat kes yang menunjukkan "salah" interpretasi menyebabkan gangguan untuk proses mewujudkan runtutan.

Taksonomi asas untuk analisis tautan seperti yang telah disebutkan sebelum ini bertitik tolak oleh Halliday dan Hasan (1976). Taksonomi asas ini dapat digunakan untuk menjelaskan kehadiran unsur-unsur tautan dalam kedua-dua teks kajian. Didapati bahawa jenis dan subjenis tautan ini hampir sama taburannya dalam kedua-dua jenis teks yang diselidiki. Jenis penggantian dan elipsis sangat kurang digunakan dalam TK berbanding penggunaannya dalam TM. Dalam kajian penggantian dalam bahasa Inggeris menunjukkan hakikat yang tidak jelas hubungan maknanya. Penggantian dan elipsis adalah cara menentukan tautan jenis tatabahasa tetapi jarang digunakan dalam wacana tulisan. Kekkerapannya yang rendah membolehkan kita menganggap penggantian dan elipsis adalah sama jenis kategori seperti yang dianalisis oleh Halliday dan Hasan (1976). Situasi ini juga menjelaskan bahawa tautan jenis elipsis dan penggantian merangkumi ciri-ciri lisan yang

sesuai dalam beberapa contoh tulisan rasmi atau formal (Almeida, 1980: 131).

Manakala dari aspek kategori hubungan tautan bahasa, kombinasi tautan jenis leksikal dan kata hubung menunjukkan taburan yang tinggi dalam TK berbanding TM. Kekerapan yang tinggi ini membantu proses runtutan terhadap isi kandungan teks yang dikaji. Menurut Morgan dan Sellner (1980) dan Carell (1983), tahap pencapaian runtutan tidak bersandar semata-mata terhadap isi kandungan. Bersesuaian dengan pandangan Almeida yang mengatakan bahawa tautan leksikal merupakan unsur yang dirujuk dalam seluruh teks dan kata hubung menandakan hubungan yang "rasional" dalam urutannya tetapi faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi tanggapan terhadap runtutan teks.

Dapatan dalam teks ini mendapati bahawa kata hubung banyak diperoleh dalam TK. Namun begitu, kekerapan kata hubung yang tinggi ini tidak menyumbangkan tahap keruntutan terhadap pembaca. Ini bertentangan dengan pandangan yang dinyatakan oleh Ameida bahawa teks dianggap kurang runtut sekiranya didapati kurangnya penggunaan kata hubung. Menurutny lagi, kata hubung menandakan penyambungan idea, maka kata hubung berperanan penting dalam melahirkan keruntutan. Tetapi hasil dapatan dalam kajian ini agak berbeza, walaupun kata penghubung banyak digunakan dalam TK namun menunjukkan tahap tidak

runtut. Berlaku sebaliknya, TM kurang menggunakan kata penghubung tetapi keputusan menunjukkan TM lebih runtut daripada TK.

Walau bagaimanapun, Almeida menjelaskan bahawa walaupun kata penghubung tidak dominan peranannya, namun hubungan pengantara ini menunjukkan korelasi yang kuat dengan bertambahnya koheren (runtutan) dengan sekurang-kurangnya 2 Unit Teks (kata penghubung melibatkan kesemua kata yang wujud sebelum dan selepas Unit teks). Perhatian tetap perlu diberikan terhadap kata penghubung agar penyambungan yang sesuai dapat diselitkan dalam sesebuah wacana yang dihasilkan. Menurutny lagi, ini dapat mencapai objektif untuk mengekalkan teks selaras dengan topik yang diperkenalkan sehingga dapat memenuhi jangkaan lain iaitu mod, genre dan sebagainya.

Pada peringkat analisis yang umum, wacana yang mengandungi kekerapan tinggi dengan unsur tautan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara untuk mencapai tahap keruntutan berbanding dengan wacana yang mengandungi kekerapan rendah dengan unsur tautan. Dalam kajian ini, walaupun kedua-dua teks tidak mempunyai kepanjangan serta jumlah perkataan yang sama tetapi setiap teks dipilih berdasarkan ciri-ciri kewacanaannya. Sebab-sebab pemilihannya telah diterangkan dalam bab satu. Walau bagaimanapun kedua-duanya berbentuk naratif yang hanya dibezakan dari segi laras sahaja. Ini bersesuaian dengan

definisi wacana yang diberikan oleh Tarigan (1987:27), ...wacana adalah satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa dengan koherensi dan kohesi tinggi yang berkesinambungan yang mempunyai awal dan akhir yang nyata disampaikan secara lisan atau tertulis".

Ini menjelaskan bahawa walaupun kedua-dua teks kajian tidak mempunyai kepanjangan yang sama tetapi tidak mempengaruhi keputusan yang diperolehi. Ini kerana hasil analisis berdasarkan hasil peratusan yang disumbangkan oleh setiap wacana itu sendiri.

Hasil kajian ini mendapati bahawa teks yang mempunyai kekerapan dan kepadatan tinggi dengan unsur tautan tidak semestinya menyumbangkan ke arah pencapaian tahap keruntutan yang tinggi. Hasil analisis mendapati bahawa TK dan TM yang hampir sama peratusan taburan jenis tautannya menghasilkan keputusan kesan keruntutan yang berbeza. Didapati, walaupun kedua-duanya mempunyai peratusan yang hampir sama dalam taburan tautan, keputusan yang dihasilkan menunjukkan TM lebih runtut daripada TK. Ini bertentangan dengan penemuan yang diperolehi oleh Witte dan Faigley (1980) iaitu "esei yang bermutu tinggi mengandungi kekerapan tinggi dalam kohesi berbanding dengan esei yang bermutu rendah".

Perbezaan ini seperti yang dijelaskan dalam bab empat iaitu mungkin disebabkan oleh faktor variasi yang berbeza dalam kemahiran membaca dalam laras bahasa yang berbeza.

5.3.3 Subjenis Tautan

Didapati kedua-dua teks padat dengan tautan jenis leksikal, iaitu mencakupi hampir satu perdua daripada jumlah keseluruhan jenis tautan. Tautan leksikal menunjukkan bahawa ciri tautan memberi sumbangan besar kepada pembaca untuk memahami teks dengan lebih runtut. Hasil analisis terhadap tautan jenis leksikal menunjukkan leksikal unsur sama (L1) lebih dominan dalam kedua-dua teks kajian. Diikuti oleh jenis kolokasi, sinonimi, superordinat dan unsur am.

Penggunaan leksikal unsur sama yang banyak mungkin bertujuan untuk memperkukuh isi kandungan teks tersebut bagi mempermudah pemahaman pembaca. Penggunaan kolokasi yang agak tinggi juga disebabkan faktor penggunaan perbendaharaan kata selingkungan, iaitu dikaitkan dengan hubungan makna yang bersifat hiponimi, kohiponim dan meronimi yang lebih mirip kepada ciri tautan jenis leksikal. Menurut Almeida, walaupun kolokasi adalah sukar difahami dan digunakan tetapi kolokasi akan memberikan ilustrasi kepada pembaca dari segi peranannya yang tidak jelas dalam perkembangan isi kandungannya. Widdowson

(1978) memberi hujah dengan yakinnya tentang pengambilan kandungan yang sebenar dalam bahasa kedua agar proses komunikatif dapat dikekalkan untuk pemerhatian dalam pembacaan.

Begitu juga dengan tautan jenis sinonimi dan sinonimi hampir, penggunaannya juga boleh dikaitkan untuk tujuan mengekalkan keseragaman isi kandungan yang juga boleh membantu melahirkan teks yang runtut.

Manakala tautan jenis superordinat dan unsur am, penggunaannya agak terhad. Penggunaan leksikal superordinat langsung tidak ditemui dalam TK tetapi sebanyak 2.64% ditemui dalam TM. Begitu juga dengan leksikal unsur am, tidak diperoleh dalam TM, iaitu hanya sebanyak 0.06% ditemui dalam TK.

Di sini jelas menunjukn bahawa penggunaan leksikal unsur sama dapat memainkan peranannya dalam membantu melahirkan tanggapan terhadap teks yang dibaca. Teks yang padat dengan leksikal unsur sama lazimnya memperkukuh pemahaman pembaca terhadap isi kandungan yang ingin disampaikan oleh penulis. Pengulangan leksikal unsur sama yang kerap walaupun mendatangkan kejemuhan kepada pembaca tetapi meninggalkan kesan runtutan yang tinggi terhadap pembaca. Dapat diperhatikan, leksikal unsur sama sangat dominan penggunaannya dalam kedua-dua teks. Penggunaan

sinonimi dan sinonimi hampir memperlihatkan TM lebih banyak menggunakan unsur ini daripada TK.

Bagi tautan jenis rujukan pula didapati kedua-dua teks kajian memonopoli tautan rujukan jenis ganti nama diri. Penggunaan rujukan jenis ganti nama diri yang lebih dominan ini boleh dikaitkan dengan keterlibatan watak yang mendirikan teks tersebut. Kedua-dua teks banyak menjalinkan perkembangan watak-watak bagi memperkembangkan isi penceritaan. Bersandarkan faktor ini, tidak hairanlah mengapa penggunaannya lebih tinggi berbanding dengan tautan rujukan jenis yang lain. Didapati, TK lebih banyak menggunakan rujukan jenis penunjuk arah berbanding TM. Penggunaan rujukan ganti nama penunjuk arah merupakan satu cara yang berkesan untuk kita mengabaikan pengulangan istilah yang lebih atau pun berulang-ulang. Selain dapat mengekonomikan perkataan, rujukan jenis ini juga mendorong pembaca menjalinkan isi yang terkandung dalam sesebuah wacana. Didapati juga, rujukan perbandingan hadir dalam kedua-dua teks tetapi penggunaannya agak terhad. Rujukan perbandingan ini lebih banyak digunakan dalam TM berbanding dalam TK. Penggunaan rujukan perbandingan ini berperanan untuk mengelakkan pengulangan istilah atau perkataan yang telah digunakan sebelumnya. Dapat disimpulkan bahawa penggunaan tautan jenis rujukan ini banyak memberikan kesan runtutan terhadap pembaca kerana

pembaca boleh menghubungkan isi kandungan dengan membuat rujukan isi kandungan yang terdahulu.

Bagi kategori penghubung pangkal ayat jenis C3, TK didapati banyak menggunakan penghubung jenis ini, iaitu 85.87% berbanding dalam TM, C3 hanya digunakan hanya sebanyak 6.12% sahaja. Penggunaan penghubung pangkal ayat C3 yang tinggi digunakan dalam TK disebabkan oleh faktor laras bahasa klasik yang cenderung menggunakan kata penghubung pangkal ayat. Walau bagaimanapun, keterlibatan penggunaan penghubung pangkal ayat lain-lain jenis yang lain tidak sebanyak yang diperoleh seperti penghubung pangkal ayat C3. Juga, didapati penghubung pangkal ayat C2 dan C4 hadir dalam TK dan TM. Manakala penghubung pangkal ayat C5, tidak diperoleh dalam kedua-dua teks.

Dengan kehadiran unsur penghubung pangkal ayat ini, pembaca lebih mudah memahami sesuatu yang ingin disampaikan oleh penulis. Contohnya dengan penggunaan unsur penghubung pangkal ayat C1, ciri-ciri penegasan seperti penggunaan frasa "lebih-lebih lagi", "malah"; tambahan sebenar seperti "dan", "ada pun"; penerangan seperti "umpamanya" dan sebagainya memudahkan pembaca mencapai tahap keruntutan terhadap teks yang dibaca. Begitu juga dengan unsur perlawanan, pembaca dapat membuat rujukan dengan informasi yang sebelumnya. Penghubung pangkal ayat C4 juga memainkan peranan dalam

menyediakan ciri urutan agar pembaca lebih mudah mencapai tahap runtut terhadap sesebuah wacana.

Manakala subjenis tautan jenis elipsis dan penggantian, seperti jenis namaan, kerjaan dan klausa, kehadirannya agak terhad dalam kedua-dua teks yang dikaji. Walau bagaimanapun, fungsinya dapat mengekonomikan bahasa dan dapat melahirkan kecekapan pembaca dalam menjalinkan isi kandungan teks terdahulu dengan yang kemudian.

5.3.4 Jarak Tautan

Seperti yang telah disentuh dalam Bab 3.11, didapati jarak 1 lebih banyak digunakan berbanding jarak 2. Berbeza dengan TM, jarak 2 lebih banyak diperoleh berbanding dengan jarak 1. Umumnya, dapat dikatakan bahawa kecenderungan penggunaan jarak 2 akan meninggalkan kesan yang kurang tumpat terhadap proses runtutan tetapi berlaku sebaliknya. Didapati walaupun TM lebih cenderung menggunakan jarak 2 tetapi hasil keputusan menunjukkan TM lebih runtut daripada TK yang lebih cenderung menggunakan jarak 1.

5.4 Rumusan Hasil Analisis.

Bahagian ini akan menunjukkan bahawa unsur-unsur tautan, subjenis tautan, jarak tautan, minat, peringkat pencapaian BM, penggunaan BM sebagai bahasa ibuanda dan latar belakang responden memainkan peranan penting untuk memudahkan responden mencapai tahap keruntutan terhadap teks kajian. Tanpa jalinan unsur-unsur tautan dan subjenisnya sudah pasti mengganggu kelancaran dan kecekapan pembaca untuk memahami sesebuah teks yang dibaca. Wujudnya unsur-unsur tautan ini akan mengurangkan bebanan kognitif pembaca untuk memahami sesuatu maklumat yang tersirat dalam sesebuah teks dengan mudah dan cepat. Namun begitu, tidak semua maklumat dapat disampaikan secara eksplisit. Maklumat yang implisit memerlukan pembaca menggunakan kognitif tanpa dibantu oleh unsur-unsur tautan. Dalam hal ini, tahap keruntutan tidak bergantung semata-mata terhadap unsur-unsur tautan tetapi boleh berlaku sebaliknya, iaitu tanpa adanya unsur-unsur tautan, tahap keruntutan masih boleh dicapai. Keadaan ini boleh berlaku tetapi pembaca perlu menggunakan kecekapan kognitif untuk mencapai tahap runtut. Ini dibuktikan dengan keputusan yang dihasilkan oleh TM, walaupun TM kurang menggunakan unsur-unsur tautan tetapi responden lebih mudah memahami TM daripada TK.

Walaupun TK padat dengan unsur-unsur dan subjenis tautan, namun hasil keputusan menunjukkan teks tersebut

kurang runtut. Berlaku keadaan sedemikian juga mungkin disebabkan oleh faktor-faktor berikut. Responden gagal memahami dengan baik terhadap teks tersebut atau responden mungkin mampu membaca tetapi hanya setakat mampu mencungkil maklumat yang ada dalam teks tetapi gagal membuat inferensi-inferensi yang diperlukan. Kegagalan responden membuat inferensi mungkin disebabkan kurangnya pengetahuan latar dan bergantung semata-mata terhadap maklumat yang ada dalam teks tersebut. Faktor lain juga mungkin disebabkan responden kurang mahir dengan bahasa yang digunakan menyebabkan mereka tidak dapat mengesan maksud yang ingin disampaikan. Didapati juga, TK lebih cenderung menggunakan Unit Teks yang lebih panjang dan berstruktur pasif. Sifat struktur Unit Teks yang begini juga memungkinkan mengapa TK agak sukar untuk difahami. Selain itu juga mungkin terdapat sebilangan kosa kata yang digunakan dalam TK yang belum pernah ditemui oleh responden.

Menurut Safiah Osman (1995:12), terdapat lima masalah khusus yang salah satu ataupun gabungan antaranya boleh menjejaskan pemahaman bacaan. Antaranya ialah,

- a) Strategi kognitif yang lemah ataupun kurang berkesan.
- b) Pengetahuan latar yang tidak mencukupi.
- c) Kemahiran membaca yang tidak sejajar dengan tugas yang dihadapi.

- d) Kemahiran berbahasa yang tidak kukuh.
- e) Kurang pengetahuan tentang konsep-konsep khusus.

Ringkasnya, persamaan ini mungkin dapat membantu menjelaskan hubungan tautan dan runtutan terhadap hasil kajian.

Rajah 5.1: Persamaan Yang Menunjukkan Hubungan Pencapaian Tahap Bertaut Dan Runtut Dalam TM.

TM

Teks Yang Bertaut.

X : jumlah unsur-unsur tautan
Yang mencukupi.

X 1: jumlah subjenis tautan
yang mencukupi.

Kemungkinan.

Teks Yang Runtut

Y : kekerapan sekali
pembacaan

Teks Yang Sangat Runtut

Y1 : kekerapan dua
kali pembacaan

$X + X1 + Y = \text{Bertaut dan Runtut.}$

$X + X1 + Y1 = \text{Bertaut dan Sangat Runtut.}$

Rajah 5.2: Persamaan Yang Menunjukkan Hubungan Pencapaian Tahap Bertaut Dan Runtut Dalam TK.

TK

Teks Yang Bertaut

Teks Yang Runtut

X : Jumlah unsur-unsur tautan
yang mencukupi.

Y : Kekerapan dua
kali pembacaan.

X1: Jumlah Subjenis tautan
yang mencukupi.

Teks Yang Sangat Runtut
Y1 : Kekerapan tiga kali,
empat kali dan
lebih pembacaan.

Kemungkinan

$$X + X1 + Y = \text{Bertaut dan Runtut.}$$

$$X + X1 + Y1 = \text{Bertaut dan Sangat Runtut.}$$

5.5 Kesimpulan

Disertasi ini membawa satu profil bahawa teks yang bertaut biasanya memudahkan pembacanya mencapai tahap keruntutan yang optimum. Didapati TM lebih runtut daripada TK. Terhasilnya keputusan yang sebegini juga turut disumbangkan oleh faktor latar belakang responden seperti bangsa, tahap pencapaian BM, penggunaan BM sebagai bahasa Ibuanda dan laras teks yang dikaji.